

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapakah dari jumlah RM280 billion pakej rangsangan COVID-19 yang diumumkan adalah yang dibiayai dengan meminjam dan bagaimana kesannya terhadap tahap hutang negara sebagai peratusan daripada GDP negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula awal Februari 2020, penularan wabak COVID-19 yang bermula di negara China telah merebak ke seluruh dunia dan Malaysia juga turut terjejas akibat penularan wabak ini. Hampir kesemua negara yang terlibat termasuk Malaysia melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) bagi membendung penularan virus daripada merebak dengan tidak terkawal. Langkah drastik yang diambil telah menyebabkan kegiatan utama ekonomi terhenti di mana perniagaan tidak dapat beroperasi seperti biasa dan setiap rakyat tidak dibenarkan untuk keluar melainkan atas urusan penting. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan ekonomi dunia lumpuh dan Malaysia juga turut terjejas daripada situasi tersebut.

2. Bagi menangani krisis ekonomi ini, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi dan pemulihan bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Namun begitu, pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion yang akan dibiayai menerusi pinjaman domestik. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran KDNK yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% daripada KDNK.

3. Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang Yang Diterima) [P.U (A) 241/2009] yang menetapkan had statutori hutang sebanyak 55% KDNK hanya meliputi terbitan instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) sahaja. Berdasarkan had statutori tersebut, nisbah hutang terkumpul kepada KDNK pada akhir Jun 2020 adalah 53.2%, masih di bawah had 55% KDNK yang ditetapkan.

4. Sebahagian besar langkah yang diperkenalkan di bawah pakej rangsangan tersebut adalah bersifat *one-off* atau sementara, yang tidak akan memberi kesan berpanjangan kepada tahap hutang kerajaan dalam jangka sederhana. Selain itu, Malaysia mempunyai kecairan yang mencukupi dalam pasaran domestik untuk menyokong pembiayaan tambahan oleh Kerajaan. Kerajaan juga kekal fokus dalam memelihara disiplin fiskal untuk mengekalkan kekukuhan sistemik dan integriti ekonomi serta memastikan Malaysia mempunyai kemampuan dan kapasiti untuk kembali pulih dengan secepat yang mungkin.

Sekian, terima kasih.